

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Kes ILI, URTI

Wad kanak-kanak hospital awam Johor sesak

Johor Bahru: Peningkatan kes influenza (ILI) dan jangkitan saluran pernafasan atas (URTI) dalam kalangan kanak-kanak di negeri ini, menyebabkan wad kanak-kanak di hospital awam di Johor mengalami sedikit kesesakan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata ia berikutan Johor mencatatkan peningkatan lima peratus kadar kes ILI dan URTI dalam kalangan kanak-kanak yang memerlukan rawatan di hospital.

Bagaimanapun, katanya, kadar penggunaan katil di semua wad hospital awam di negeri ini masih terkawal dengan kadar 76 peratus, pada masa ini.

Beliau berkata, ia peningkatan empat peratus berbanding hanya 72 peratus kadar penggunaan katil di semua wad hospital awam negeri ini bagi minggu epid 27.

"Ketika ini wad kanak-kanak di semua 13 hospital awam di Johor mencatatkan sedikit kesesakan berikutan peningkatan lima peratus kes jangkitan ILI dan URTI di negeri ini.

"Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) sedang mengumpulkan data terbaharu situasi terkini di wad kanak-kanak negeri ini.

"Namun kadar penggunaan katil di semua wad hospital di negeri ini termasuk unit rawatan rapi (ICU) masih terkawal kerana ia berada pada kadar 76 peratus daripada jumlah 5,307 katil.

"Peningkatan penggunaan katil semua wad di Johor disumbangkan gabungan faktor peningkatan sedikit kes COVID-19 selain peningkatan kes jangkitan ILI dan URTI," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat bersama JKNJ di Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini, semalam.

Dalam pada itu, Tian Soon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Yong Peng, berkata JKNJ tetap mengambil langkah berjaga-jaga berhubung peningkatan kadar penggunaan katil di hospital awam negeri ini bagi membolehkan persediaan dilakukan jika gelombang baharu COVID-19 berlaku.

"JKNJ mempunyai pengalaman menangani peningkatan kadar penggunaan katil di di hospital negeri ini ketika pandemik memuncak tahun lalu dan akan mengambil tindakan lanjut jika keadaan memerlukan," katanya.

Tian Soon berkata, jumlah kes baharu COVID-19 yang dilaporkan di negeri ini 542 kes, antara 10 Julai sehingga Sabtu lalu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Tempoh wajib perkhidmatan awam doktor dikurangkan kepada satu tahun

Putrajaya: Kerajaan menawarkan pengurangan tempoh wajib perkhidmatan kepada doktor daripada dua ke satu tahun berkuat kuasa 15 Jun lalu.

Menerusi pekeliling dikeluarkan pada tarikh sama, penawaran turut diberikan kepada pegawai perubatan kontrak yang tidak mempunyai jawatan tetap dalam tempoh enam bulan selepas membuat permohonan, membenarkan bebas daripada kontrak berkenaan.

Pekeliling Garis Panduan Urusan Khidmat Wajib di Perkhidmatan Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah itu memaklumkan doktor yang berkenaan boleh memohon tempoh pengurangan, pengantungan atau pengecualian perkhidmatan wajib mereka.

Ia memaklumkan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan adalah di bawah pertimbangan Menteri Kesihatan atau Ketua Pengarah Kesihatan.

"Bagi permohonan pengurangan, ia hanya akan dipertimbangkan kepada Pengamal Pe-

🗨️ **Khidmat wajib itu dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan pengamal perubatan berdaftar yang berada dalam sektor awam**

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



rubatan Berdaftar Penuh yang sudah berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun dalam perkhidmatan awam bermula dari tarikh Perakuan Pendaftaran Penuh.

"Untuk permohonan penangguhan, secara amnya penangguhan dipertimbangkan bagi Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang perlu meninggalkan Kementerian Kesihatan (KKM) atau perkhidmatan awam lain sebelum tempoh dua tahun serta berhasrat untuk menyelesaikan tempoh khidmat wajib sebaik sahaja tempoh penangguhan tamat.

"Bagi permohonan ambil kira

(Akta 50), pengamal perubatan berdaftar penuh yang ingin menyertai sektor akademik atau sudah mendapat tawaran kerja di agensi awam lain selain KKM atau ATM boleh memohon ke- longgaran ambil kira dengan pertimbangan KPK (Ketua Pengarah Kesihatan)," katanya menerusi pekeliling itu.

Tingkat kemahiran klinikal

Bagi permohonan pengecualian yang berada di luar negara dan berhasrat berkhidmat di Malaysia, mereka layak dipertimbangkan untuk pengecualian sekiranya berumur 40 tahun dan ke atas pada masa permohonan,

dengan atau tanpa kelayakan pascasiswazah.

"Manakala pengamal perubatan berdaftar penuh yang tidak mendapat sebarang tawaran pekerjaan dalam perkhidmatan awam selepas enam bulan memohon pekerjaan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, khidmat wajib itu dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan pengamal perubatan berdaftar yang berada dalam sektor awam.

Ia juga bagi memastikan pengagihan pengamal perubatan berdaftar meliputi perkhidmatan negara dan sebagai satu keperluan pendedahan klinikal bagi meningkatkan kemampuan dan kemahiran klinikal pengamal berkenaan.

Pada 4 Julai lalu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan untuk melepaskan ribuan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi, yang menerima biasiswa kerajaan daripada bon perkhidmatan sedia ada.

Sebelum ini, pemegang biasiswa kerajaan dikehendaki berkhidmat selama 10 tahun, termasuk tempoh latihan dan perkhidmatan wajib.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Shah Alam

Kira-kira 95 peratus penduduk negara ini didapati tidak memakan sayur seperti disaran Kementerian Kesihatan (KKM), sekali gus menjadi faktor berlaku penyakit hati berlemak serta berisiko mengalami penyakit jantung dan buah pinggang.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, dapatan itu berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 yang dilakukan setiap empat tahun, sekali bagi melihat literasi kesihatan penduduk negara ini.

Beliau berkata, kebanyakan penduduk negara ini tidak ambil sayur dan buah mengikut sukatan pinggan suku-suku separuh dan hanya ambil sejenis sayur sahaja setiap kali makan.

"Makan satu jenis sayur sahaja tidak bagus untuk kesihatan sebaliknya perlu ambil pelbagai jenis serat dan warna sayur-sayuran yang elok. Kalau tidak makan sayur akan kurang zat dan melebihi pengambilan gula serta karbohidrat ringkas, ia akan menyebabkan sebatian organik itu terbenam dalam badan sebagai lemak.

"Ia pergi ke hati sehingga menjadikan penyakit hati berlemak dan akhirnya ia tidak berfungsi dengan baik

Rakyat kita tak makan sayur

Sebanyak 95% penduduk tidak ikut saranan KKM, undang pelbagai risiko penyakit

“
Makan satu jenis sayur sahaja tidak bagus untuk kesihatan
Dr Noor Azmi

KEBANYAKAN penduduk negara ini tidak mengambil sayur dan buah mengikut sukatan pinggan suku-suku separuh.

hingga sistem dalam badan kita rosak dan membawa kepada berlakunya penyakit tidak berjangkit (NCD) antaranya sakit jantung dan buah pinggang,"

katanya pada Seminar Sainifik Institut Kesihatan Negara (NIH) ke-23 di sini, semalam.

Dr Noor Azmi berkata, NHMS 2019 mendapati nisbah 1:15 peratus penduduk

negara ini ada penyakit obesiti dan mereka mempunyai lemak besar di perut dengan ukur lilit pinggang iaitu lelaki melebihi 90 sentimeter (cm) dan perempuan 80cm.

"NCD ini umpama bom

jangka kalau dibiarkan dan kita galakkan masyarakat serta inisiatif Saringan Kesihatan Nasional agar mereka peduli terhadap kesihatan mereka," katanya.

Susulan itu, katanya untuk

NHMS akan datang, kerajaan menubuhkan satu Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan bagi meningkatkan kefahaman dan penggunaan fasiliti kesihatan sedia ada.

Putrajaya: Kes harian Covid-19 di negara ini menghampiri 4,000 kes iaitu sebanyak 3,902 kes dilaporkan setakat kelmarin.

Ia sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes penularan wabak berkenaan di negara ini meningkat kepada 4,629,963 kes.

Menerusi laman sesawang Covidnow, jumlah jangkitan baharu itu memabihkan 3,898 kes penularan tempatan dengan empat kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

Pertambahan kes baharu menjadikan sehingga kini ada 43,144 kes aktif. Daripada jumlah yang dinyatakan itu, 96.2 peratus atau 41,488 kes menjalani kuarantin wajib di rumah.

3,902 jangkitan baharu Covid-19

Selebihnya iaitu 3.6 peratus bersamaan 1,568 kes dirawat di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (33), Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (39) dan ICU serta tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (16).

Mengenai kadar penggunaan ICU seluruh negara, data menunjukkan sehingga kini ia berada di paras 62.9 peratus dengan 10 negeri mencatat penggunaan unit itu melebihi 60 peratus.

Kelantan mencatat penggunaan ICU tertinggi

pada kadar 76.6 peratus, diikuti Selangor dengan 74 peratus, Kedah (73.4 peratus), Putrajaya (70 peratus) dan Kuala Lumpur (69.6 peratus).

Selain itu di Negeri Sembilan ia mencatatkan penggunaan ICU 67.3 peratus, Sabah (65.9 peratus), Johor (65.5 peratus) dan Perak (61.9 peratus).

Turut dilapor lapan kes kematian dengan satu kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID). Ia menjadikan sehingga kini jumlah angka korban akibat jangkitan itu 35,870 kes.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

KKM tangani masalah kekurangan ubat

Putrajaya: Susulan isu kekurangan ubat-ubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pihaknya sudah mengagihkan simpanan ubat tertentu dari klinik kerajaan ke klinik swasta bermula semalam.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, buat permulaan pihaknya mengagihkan ubat jenis paracetamol kepada klinik swasta.

Katanya, tindakan itu diambil bagi mengatasi masalah bekalan ubat di negara ini.

"Pengeluaran ubat tertentu daripada simpanan kerajaan persekutuan ke klinik swasta untuk mengatasi kekurangan ubat akan bermula hari ini (semalam) dan ia dimulakan

dengan ubat paracetamol.

"Jika anda diminta membeli PCM (paracetamol) di klinik swasta (tetapi) berlogo KKM, ia adalah wajar kerana ia daripada stok simpanan kerajaan," katanya dalam ciapan di Twitter, semalam.

Sebelum ini, Khairy mengumumkan KKM akan melepaskan stok penimbal ubat-ubatan kepada klinik dan hospital swasta untuk menangani isu kekurangan bekalan di fasiliti kesihatan berkenaan.

Katanya, setakat ini masih terdapat fasiliti antaranya klinik swasta yang tidak mendapat bekalan ubat-ubatan untuk batuk dan selesema.

Sehubungan itu, KKM akan melepaskan stok penimbal ubat-ubatan yang

berdepan masalah bekalan.

Sebelum ini melaporkan, beberapa jenis ubat-ubatan mengalami kekurangan di pasaran, termasuk di klinik swasta berikutan kegagalan pembekal dari luar negara menghantar bekalan mengikut tempoh ditetapkan akibat kekurangan bahan mentah.

Antara ubat didakwa mengalami kekurangan adalah ubat batuk, demam dan antibiotik yang disifatkan penting untuk rawatan harian pesakit, selain ubat untuk merawat penyakit kaki, tangan dan mulut (HPMD).

Susulan pendedahan itu, pada 13 Jun lalu KKM merumuskan tiga langkah penyelesaian sementara untuk menangani isu kekurangan bekalan ubat-uba-

tan iaitu dengan membenarkan fasiliti kesihatan swasta memohon pinjaman bekalan ubat-ubatan dari fasiliti kesihatan swasta lain atau fasiliti kesihatan kerajaan.

Selain itu, Khairy turut memaklumkan pesakit di hospital swasta boleh dirujuk ke fasiliti kesihatan kerajaan terdekat bagi meneruskan rawatan sekiranya perlu namun pesakit mungkin memerlukan perubahan regimen ubat-ubatan berdasarkan ketersediaan di fasiliti kerajaan yang dirujuk.

Langkah akhir adalah pesakit boleh membeli ubat-ubatan berkenaan dari Farmasi Komuniti dengan preskripsi dari klinik atau hospital swasta berkenaan.

Doktor ditawar wajib perkhidmatan kepada setahun

Putrajaya: Kerajaan memberi tawaran kepada doktor untuk mengurangkan tempoh wajib perkhidmatan daripada dua tahun ke setahun berkuat kuasa 15 Jun lalu.

Menerusi pekeliling dikeluarkan pada tarikh sama, penawaran turut diberikan kepada pegawai perubatan kontrak yang tidak mempunyai jawatan tetap dalam tempoh enam bulan selepas membuat permohonan.

Mereka dibenarkan bebas daripada kontrak berkenaan. Pekeliling Garis Panduan

Urusan Khidmat Wajib di Perkhidmatan Awam Malaysia dikeluarkan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah itu memaklumkan doktor terbabit boleh memohon tempoh pengurangan, penggantian atau pengecualian perkhidmatan wajib mereka.

Ia memaklumkan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan adalah di

bawah pertimbangan Menteri Kesihatan atau Ketua Pengarah Kesihatan.

Penawaran turut diberikan kepada pegawai perubatan kontrak

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



SEJAK Jun lalu, bekalan ubat-ubatan terutama paracetamol mengalami kekurangan bekalan ekoran permintaan yang tinggi. - GAMBAR HIASAN

KKM edar paracetamol stok penimbal ke klinik swasta

PUTRAJAYA - Paracetamol (PCM) berlogo Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mula diedarkan ke klinik swasta bagi menampung kekurangan bekalan ubat tersebut ketika ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya sudah memulakan pengedaran beberapa jenis ubat-ubatan daripada simpanan Persekutuan (stok penimbal) kepada klinik swasta bagi menga-

tasi kekurangan bekalan.

"Kita akan mulakan dengan paracetamol. Ia adalah ubat simpanan Persekutuan (stok penimbal).

"Sekiranya anda diminta membeli PCM di klinik swasta dan didapati mempunyai logo KKM, ia adalah daripada simpanan kerajaan Persekutuan," katanya dalam satu hantaran yang dimuat naik melalui Twitter miliknya semalam.

Minggu lalu, Khairy berkata, pihaknya akan membekalkan sektor perubatan swasta negara dengan ubat-ubatan daripada simpanan Persekutuan untuk menangani kekurangan berterusan.

Stok penimbal kerajaan diuruskan oleh Pharmaniaga dan KKM sudah mengarahkan supaya didahulukan kepada klinik dan hospital swasta yang memerlukan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes positif kembali cecah 4,000

PUTRAJAYA: Malaysia merekodkan penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 3,902 kes berbanding kelmarin, 3,080 kes sekali gus mengatasi 2,935 kes sembuh.

Berdasarkan laman web <https://covidnow.moh.gov.my> semalam, Kuala Lumpur kembali menjadi negeri tertinggi kes positif iaitu 1,276 kes diikuti Selangor (998), Perak (294), Sabah (234), Negeri Sembilan (188), Pulau Pinang (178), Kedah (126), Melaka (106), Sarawak (106), Johor (93), Putrajaya (82) dan Kelantan (74).

Diikuti Pahang (54), Terengganu (30), Perlis, 40 kes dan Labuan (23).

Pesakit Covid-19 yang diwadkan meningkat kepada 629 orang berbanding kelmarin, 545 orang.

Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam merekodkan 55 kes berbanding jumlah semalam, 57 kes.

Bagaimanapun, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan merekodkan 39 kes berbanding jumlah kelmarin, 37 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, tiada kluster baharu direkodkan sekali gus menjadikan sebanyak 11 kluster yang masih aktif dengan keseluruhan 7,026 kluster.

Kes melibatkan kematian pula, negara mencatatkan lapan kematian Covid-19 berbanding kelmarin, tujuh kes sekali gus menjadikan jumlah terkini sebanyak 35,870 kes.

Satu kes kematian yang dibawa ke hospital (BID) dilaporkan dan menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 7,609 kes.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

TO PRIVATE CLINICS

KJ: Federal medicine stockpile released

KUALA LUMPUR: The federal medicine stockpile will be released to private clinics from yesterday, starting with paracetamol, to address the shortage of medicines, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

“The release of certain medicines from the federal government’s stockpile to private clinics to address medicine shortage will start today (yesterday) with paracetamol.

“If you are asked to buy paracetamol at private clinics with the Health Ministry’s logo, it is from the stockpile and is proper,” he said on Twitter.

On July 15, Khairy said the ministry planned to release the federal medicine stockpile to private hospitals and clinics, following a

meeting with pharmaceutical associations, industry players and suppliers to address the shortage of medicines.

He said Pharmaniaga Bhd, the company responsible for the supply, had agreed to the measure.

The shortage of medicines mostly involved antibiotics, paediatric medications, cough syrups and medication for food poisoning, fever and influenza.

Last week, Malaysian Medical Association president Dr Koh Kar Chai said the surge in demand for medicines was due to a variety of factors, including the increasing number of Covid-19 cases from the Omicron variant and the relaxation of standard operating procedures, including the opening of borders.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

M'sians want more on MySejahtera app

PETALING JAYA: While most Malaysians have not ditched MySejahtera, they do have a laundry list of features that they wish could be added to the public health application.

Checking in via MySejahtera when entering premises is no longer compulsory starting May 1, although some shopping malls, supermarkets, and shops are still asking customers to display their MySejahtera status before entering.

Shaima Abdul Salam, 34, said she would never delete the app as it contained important Covid-19 vaccination records, which are recognised by many foreign countries. She was also pleased to discover that the app had been updated with new features such as user health data and childhood immunisation records.

"Now, I can even put in my health record such as my BMI (body mass

index) and health screening results. One feature that would be nice to have is if we could make medical and dental appointments at government clinics and hospitals through the app, just like how we booked our Covid-19 vaccinations," she said.

Insurance underwriter Azhnoel Amriel, 25, wished the app had a more rapid tracking and notification system that would immediately let users know about potential Covid-19 hotspots.

"It would make it easier for me to change my plans on the fly without having to purposely open the app as I'm driving around," he said.

Retiree Lee Peng Song, 70, suggested adding an online shopping function for the benefit of the elderly, adding that it would allow him to compare prices of medical supplies and buy them from nearby pharmacies and have them delivered.

As for business owners, although they do not wish to resurrect the mandatory MySejahtera check-in rule, some said the app could still play an important role in public health.

Hobby shop owner Eugene Teo, 23, felt that there was little point in the continued use of the app.

"That's because most of my customers and employees are already vaccinated and well versed in Covid-19-related guidelines."

Restaurant and Bistro Owners Association vice-president and media liaison officer Jeremy Lim said that as Malaysia moved into the endemic phase, MySejahtera still had an active role to play, but it had to evolve.

"Our association is supportive of the Health Ministry's intent of not making check-ins mandatory. In turn, we urge the public to turn on



At your fingertips: A user checking the MySejahtera app. — AZHAR MAHFUF/The Star

the MySJ Trace function instead.

"This will give the public enough warning if they come in close contact, and they will be able to take the necessary steps to self-monitor. However, the MySJ Trace will only be powerful if everyone turns it on." Lim added that more important

than the app's role was the part that Malaysians must play actively.

"We cannot rely 100% on the government to be the 'big brother'; instead we have to take ownership of our health," he said, urging those who were unwell to self-test, isolate and report if positive with Covid-19.

MySejahtera still app-solutely relevant for future use

By **FATIMAH ZAINAL** and **BENJAMIN LEE**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Don't delete your MySejahtera app as more features have been added to help you manage your health, say medical experts.

The Health Ministry said nearly seven million Malaysians are still using the Covid-19 MySJ Trace feature in the app to track close contacts, despite the government discontinuing the compulsory QR code check-in when entering premises since May 1.

Dr Mahesh Appannan, head of data at the Health Ministry's Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), who manages MySejahtera, said the app had also been retrofitted with more functions and repurposed into a public health app.

He said it would continue to have a role in the lives of Malaysians years from now.

In the event of a new pandemic or any emerging diseases, the app could be easily mobilised as a mature system was already in place, he added.

"The Health Ministry has one of the biggest digital assets in the country. Now because of the user data we have, we are transitioning MySejahtera from a Covid-19 app to a public health app."

"MySejahtera greatly eased the Health Ministry's management of the Covid-19 pandemic by tracing active cases, enabling home quarantine, virtual monitoring, patient surveillance and spurring a seamless world-class vaccination process.

"Now, the app's infectious disease tracker has also been expanded to

not only track Covid-19 cases, but also other communicable diseases such as dengue, rabies, measles and hand, foot and mouth disease," he said when contacted yesterday.

The latest version of MySejahtera is also able to store user health information and childhood immunisation records for babies born from July 1, 2022, as announced by Health Minister Khairy Jamaluddin on July 16.

Health screening records were also now at users' fingertips, said Dr Mahesh.

"If you perform a health screening at any government health facility at this current time, because of the transaction made within the ecosystem, you can get your record in MySejahtera and you can share it with your physician."

The Health Ministry is also cur-

rently using MySejahtera's intelligent algorithms to identify Covid-19 positive individuals who are eligible to receive Paxlovid, a new antiviral drug.

When the monkeypox outbreak in other countries became a point of concern in May, the ministry was immediately able to send alerts through MySejahtera to travellers coming from countries with reported cases, added Dr Mahesh.

"We could do this very quickly because we already have a very mature system in place," he said.

On public trust in the app, Dr Mahesh said it was safe to use as it belongs to the government and the data was handled by the Health Ministry, adding that the user information could not be shared with others.

Malaysian Medical Association

(MMA) president Dr Koh Kar Hai said MySejahtera was still a useful tool as it would help those with Covid-19 monitor their condition and alert them if they need to get to a hospital.

"This can be especially so for those living alone or far away from healthcare facilities," he said.

Dr Koh suggested a feature be added to the app whereby the user's current medical history, for example current medication and details of last three visits to a medical facility, could be recorded to ensure seamless delivery of healthcare when a person visits different healthcare facilities.

Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said the app could help educate the public to take charge of their own health.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Fear driving many away from health screenings

BY MUHAMMAD YUSRY
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The fear of discovering they have a disease seems to be among the reasons many Malaysians avoid going for health screenings, said Malaysian Medical Association (MMA) president Dr Koh Kar Chai.

He said while health screenings can help in the early detection of illnesses, which lead to lower treatment costs and better outcomes for patients, many avoid doing so out of fear.

"When it comes to health screening, people are divided into three groups. The first will go for

► Authorities need to do more to reach out to individuals who skip examinations, preferring not to know about potential disease: MMA chief

frequent screenings for fear of missing an illness. Next, are the regular ones who will go for it when advised to do so and finally, we have those who will never go for screening because they feel fine or are worried that they may have a sinister disease and prefer not to know about it."

Koh added that it was this last group that authorities needed to reach as they had to be persuaded to

get their health checked.

"In urban areas, we see younger people going for screening, with some as early as school going age because their parents are concerned about the health of their young ones.

"But in general, many in the productive age groups are getting themselves screened. It is no more the elderly who are going for health screenings."

Koh said the Health Ministry has launched campaigns to allow the lower income group to go for screenings, with the move expected to be expanded in the long term.

"There are many screening programmes offered in the private sector.

"Apart from those who walk into private clinics and hospitals on their own, many companies and factories have some sort of medical screening benefits for their staff.

"Instead of the government providing separate health screenings, which may not be taken up, it may be worthwhile to work with large companies to partly subsidise their annual staff screening," he said.